

KENANGAN SEBUAH LUKISAN

Jika aku masih lagi melukis akan kubancuh warna di pallet melakar kembali batang-batang pokok kelapa bersama langit biru kapas yang terang dan sampan-sampan nelayan yang telah hilang warna asalnya.

Mungkin bandar ini tidak seperti dahulu lagi telah hilang serinya yang mengisi suara mengiringi anak-anak yang leka membelat ikan semuanya yang kini hanya tinggal kenangan telah kemas-kemas kita bingkai dalam album lama yang tersimpan.

Kembali lagi ke kanvas ini aku cuba juga melembutkan jari dan elusan halus yang luhur itu bisa melorek kembali musim-musim kenangan yang ditinggalkan walaupun aku tidak lagi sejujur dahulu pada segala yang nampak terlalu asli untuk aku lakarkan kembali sebuah persinggahan abadi.

– AMALIA FAUZA BOHARI,
ASK, K.L.

SYAFIQAH

Syafiqah kupilih nama itu adalah kebaikan hati manifestasi erti penyayang

iringan kesyukuran terpancar ku lafazkan kalimah suci itu keagungan fatir dan junjungan yang maksum di kedua cuping telinga mu.

Senja itu kusambut kelahiran mu dengan kedua belah tangan kegembiraan nilai suatu anugerah lalu titis-titis harapan menimpa hati dan emosi atas segala keizinan dan kemahabesaran-Nya moga kau bisa mendirikan khalifatul-ard menyempurnakan kehidupan ini di atas paksi yang satu itu kejap dan tetap padu dan jitu.

– MOHSIEN TALIB,
ASASI, Kedah.

MUHASABAH DIRI

Sesekali wajar kita mentafsir diri menyelak lembar-lembar album silam mengimbau aneka langkah sumbang terperangkap dek hambatan nafsu rakus menggila

kerana diri tak selamanya berdiri gagah di pentas sementara ini sedang digenggaman debu sia-sia cuma.

Muhasabah diri amalan terpuji sejenak mengerah kewarasan akal kamar taubat ternganga menanti masuki berbekal segugus penyesalan

MINGGUAN MALAYSIA 6/2/2000 Puisi

biar atma kembali bersih biar nurani kembali suci keterlanjuran silam kuburkan di pusara kenangan.

Petiklah buah-buah ranum kebahagiaan di pohon kehidupan anugerah Maha Pengasih pasti rahmat keredhaan-Nya melimpah ruah mengiringi perjalanan ke negeri abadi!

– MOHD. KASIM MAHMUD,
PPJ, Kota Tinggi.

DENDAM

Dendam rindu basah jua puncak menyatukan dalam singgah hujan rimas, tiba-tiba menyejuk sukma tersimpan di kalbu.

Puncak Jerai menjadi silang-kata bila Pulau Serai melihat laut di bawahnya mengutuskan poskad pagi antara Langkawi/ Serai dalam sejarah

masih ada lautan merentang di horizon guruh garang badai berang.

– JAMALUDIN D.,
Puncak Kedah,
Gunung Jerai.

PESAN KEPADA ANAK

Menduduki laman sarjana nisbi engkau maha tinggi alias maha tahu rumput, tanah, kayu, batu keras di puncak itu cabang keliru berselirat semakin panjang yang kau tahu sekerat; bacalah dengan firasat. Belajarlah untuk tidak menjabat derhaka dengan hati lestari menyimpan jasa yang pernah memberi meski sekuman budi; ayah yakin engkau bukan kacang Berhati-hati mempercayai dakwaan janji bukan kota teguh di dada palsu engkau didewasakan bukan untuk mengakarkan kemusnahan tetapi membiakkan kemurnian.

Ayah tahu engkau anak yang baik kenal asal tahu makna.

– SUHAIMI MOHD. SALLEH,
Dungun.

JIKALAU BENAR

Jikalau benar ruang ini memberi tempat untukku berlindung akan kuperlindungan diari dari panas dan hujan.

Jikalau benar suara ini memberi ketenteraman untukku mengadu akan kusimpan kecapiku ini peneman sunyi malam.

Jikalau benar kau telah memikirkan semua percayalah aku akan hakikat tentang sesuatu yang tak kutemui telah membelenggu diri.

– DJAZLAM ZAINAL,
Kota Bharu.

Hadiah Sastera 2000

UTUSAN MELAYU PUBLIC BANK

Cerpen dan puisi yang tersiar dalam Mingguan Malaysia (MM) bermula awal tahun ini akan dinilai untuk memenangi Hadiah Sastera Utusan Public Bank. Oleh itu, setiap cerpen yang dikirimkan ke MM hendaklah disertakan dengan biodata dan gambar penulisnya sekali - Pengarang